

# Ubah suai tangki kereta seludup petrol

## Suspek lari selepas menyedari operasi anggota KPDNHEP di stesen minyak

Oleh Siti Rohana Idris  
bhnews@bh.com.my

**Tanah Merah:** Tidak sampai 24 jam penurunan harga runcit petrol diumumkan semalam, kelibat penyeludup sedang mengisi minyak di tangki kenderaan yang diubah suai dipercayai untuk diseludup ke Thailand.

Berikutan itu, operasi dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) cawangan Tanah Merah di beberapa stesen minyak, sebelum terserempak seorang lelaki sedang mengisi petrol ke tangki kenderaannya di Kampung Jedok, di sini, semalam.

Ketua Cawangan KPDNHEP Tanah Merah, Ahmad Azizi Abdul

Kadir, berkata dalam operasi kira-kira jam 11 pagi, hasil peman-tauan nampak lelaki itu meragukan dan menyerbu stesen minyak terbabit.

“Bagaimanapun, suspek menyedari kehadiran anggota penguatkuasa dan bertindak melarikan diri dengan meninggalkan kenderaan Proton Iswara itu.

“Hasil pemeriksaan, suspek mengisi minyak petrol RON 95 dianggarkan 365 liter dan terdapat tangki yang diubah suai pada bahagian hadapan dan belakang penumpang.

“Tangki ubah suai juga dikesan di bahagian but belakang kenderaan,” katanya dalam satu kenyataan media.

Ahmad Azizi berkata, suspek adalah penduduk tempatan beru-



**Anggota penguat kuasa KPDNHEP menunjukkan tangki ubah suai kenderaan suspek di stesen petrol di Kampung Jedok, Tanah Merah, semalam.**  
(Foto ihsan KPDNHEP)

sia 26 tahun berdasarkan dokumen pengenalan diri ditemui ditinggalkan di tempat kejadian.

Beliau berkata, pemilik stesen minyak juga diambil keterangan

dan disyaki melakukan kesalahan kerana melanggar arahan Pengawal Bekalan Malaysia.

“Semua kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

“Untuk rekod, kes penyeludupan bahan api di sempadan yang membabitkan kenderaan dan stesen minyak sehingga Mac ini adalah enam kes,” katanya.

HARI : AHAD  
TARIKH : 8/3/2020  
M/SURAT : 17